

Uzbekistan mahu kerjasama dengan JAKIM majukan piawaian halal

Tashkent turut minat jalin usaha sama dengan IJN tingkat kualiti rawatan

Tashkent: Uzbekistan menyuarakan hasrat bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi memastikan piawaian halal di negara itu mencapai tahap seperti dilaksanakan JAKIM, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, ia antara intipati kunjungan hormat dan mesyuarat dua hala delegasi Malaysia diketuai beliau bersama Presiden Uzbekistan, Shavkat Mirziyoyev di sini, semalam.

Beliau berkata, Uzbekistan juga berhasrat untuk bekerjasama dengan Institut Jantung Negara (IJN) bagi meningkatkan kualiti rawatan di negara itu serta menjalankan projek bersama.

Anwar berkata, negara itu juga menyatakan hasrat perkukuh kerjasama antara ASEAN dan Asia Tengah.

“Uzbekistan berhasrat menghantar Menteri Pertanian ke Malaysia untuk mempelajari kaedah dan teknologi penjimatan air yang cekap bagi tujuan saliran dan pertanian di Uzbekistan,” katanya menerusi kenyataan, semalam.

Pada mesyuarat lebih sejam, Anwar berkata, Presiden Mirziyoyev antara lain menyatakan penghargaan terhadap ketegasan Malaysia memperjuangkan keadilan buat rakyat Palestin.

“Malaysia dan Uzbekistan berkongsi pendirian mahu melihat kewujudan negara Palestin yang

bebas dan merdeka,” katanya.

Beliau berkata, Mirziyoyev juga menyambut baik usaha keras dan komitmen berterusan Malaysia melawan rasuah dan salah guna kuasa, selain menghargai nilai yang diangkat dalam gagasan MADANI.

Perkukuh hubungan 2 hala

“Saya dan Presiden Mirziyoyev senada mahu memperkukuh hubungan dua hala Malaysia-Uzbekistan, khususnya terkait perdagangan dan pelaburan, selain kerjasama dalam sektor pendidikan, tenaga, industri halal, pertanian, pengangkutan, teknologi digital, kesihatan, pelancongan, kebudayaan serta kewangan dan perbankan Islam,” katanya.

Anwar turut menjemput Presiden Uzbekistan itu datang ke Malaysia, khususnya bagi menyertai Forum Global Ekonomi dan Kewangan Islam di Kuala Lumpur pada 28 Mei depan.



Anwar dan Mirziyoyev bertukar dokumen selepas menandatangani kenyataan bersama pada pertemuan di Istana Presiden Kuksaroy di Tashkent, kelmarin.

(Foto BERNAMA)

“Saya amat menghargai perbincangan ini yang telah berlangsung dalam suasana persahabatan dan ia ternyata telah memperkukuh hubungan erat kedua-dua negara,” katanya.

Anwar tiba di sini pada Jumaat bagi lawatan rasmi tiga hari di Uzbekistan.

Antara anggota delegasi Malaysia sewaktu lawatan di Uzbekistan adalah Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hassan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

BERNAMA